



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**HUBUNGAN MOTIVASI DENGAN PERILAKU PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU PELAJAR DWIBAHASA PERIBUMI SARAWAK**

**RADNA WISMAWATI MUHIBAH BINTI YAHYA SAWEK
FBMK 2010 3**



**HUBUNGAN MOTIVASI DENGAN PERILAKU PEMBELAJARAN
BAHASA MELAYU PELAJAR DWIBAHASA PERIBUMI SARAWAK**

Oleh

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai Memenuhi Keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

Februari 2010



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirement for the Master of Arts

**THE RELATIONSHIP BETWEEN MOTIVATION AND MALAY LANGUAGE
LEARNING BEHAVIOUR OF SARAWAK INDEGENOUS BILINGUAL
STUDENTS**

By

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

February 2010

Chair: Professor Madya Dr Noor Aina Dani, PhD

Faculty: Faculty of Modern Language and Communication

In language learning, the purpose of learning a new knowledge by second language learners was normally being linked to motivation. Therefore this research was conducted mainly to identify the relationship between motivation and Malay language learning behavior of indigenous bilingual students in Samarahan Division of Sarawak. The research population were derived from Form 4 students of two schools in a different category. About 85 students as respondents came from low achievement rural school of SMK Tarat whereas 123 students came from high achievement sub urban school of SMK Wira Penrissen. A survey was conducted intensively on one unit of the school community with intention to seek motives that encouraged the Sarawak indigenous



bilingual students to accept or reject L2 (Malay Language) learning. The researcher was also interested in factors which motivate the respondents for a higher achievement in L2 and factors effecting motivation in L2 homework accomplishment and their L2 learning behavior. The data was collected by using questionnaire, observation technique and interview. The theory implied in this research made use of theory Operant by Skinner as part of behaviorism learning theory with notion that environment factors played as a stimulus and response and made use of a certain exercise model which reinforce learning and behavioral change. Findings showed there was indeed a relationship between motivation and L2 learning behavior of the Sarawak indigenous bilingual students. The research hypothesis has clearly proven that there is a strong and positive relationship between motivation and L2 learning behavior amongst the bilingual students.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada senat Universiti Putra Malaysia sebagai
memenuhi keperluan untuk Sarjana Sastera (Bahasa Melayu)

**HUBUNGAN MOTIVASI DENGAN PERILAKU PEMBELAJARAN BAHASA
MELAYU PELAJAR DWIBAHASA PERIBUMI SARAWAK**

oleh

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

Februari 2010

Pengerusi: Profesor Madya Dr Noor Aina Dani, PhD

Fakulti: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Dalam pembelajaran bahasa, sebab-musabab pelajar mempelajari sesuatu pengetahuan baru sering dikaitkan dengan motivasi. Sehubungan itu, kajian ilmiah ini dijalankan untuk mengenal pasti hubungan motivasi dengan perilaku pembelajaran Bahasa Melayu pelajar dwibahasa peribumi di bahagian Samarahan, Sarawak. Populasi kajian ini terdiri daripada semua pelajar peribumi tingkatan empat di dua buah sekolah yang terpilih iaitu sekolah pencapaian rendah (SMK Tarat) kategori luar bandar sebanyak 85 orang dan sekolah pencapaian sederhana (SMK Wira Penrissen) kategori pinggir bandar sebanyak 143 orang. Kajian tinjauan dijalankan secara intensif ke atas satu unit masyarakat sekolah. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motif yang mendorong pelajar dwibahasa peribumi Sarawak bertindak menerima atau menolak pembelajaran B2. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti faktor yang mendorong motivasi pelajar

dwibahasa peribumi Sarawak ke arah pencapaian yang lebih tinggi dalam B2. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menghuraikan faktor yang dapat mempengaruhi motivasi tugas B2 dan menghuraikan perilaku pembelajaran B2 mereka. Data kajian dikumpul melalui teknik pemerhatian, temu bual dan soal-selidik. Kajian ini menggunakan Teori Operant Skinner yang tergolong dalam teori pembelajaran pembentukan kebiasaan dengan gagasan utamanya ialah rangsangan dan gerak balas. Teori pembelajaran ini menggunakan model latihan yang dikukuhkan, pembelajaran dan perubahan tingkah laku. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan antara motivasi dengan perilaku pembelajaran bahasa kedua pelajar dwibahasa peribumi Sarawak. Hal ini jelas dibuktikan dengan kebenaran hipotesis penyelidikan bahawa terdapat kekuatan hubungan positif teguh antara motivasi dengan perilaku pembelajaran bahasa kedua dalam kalangan pelajar dwibahasa.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai mematuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Dr. Noor Aina Dani, PhD

Prof. Madya

Jabatan Bahasa

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

(Pengerusi)

S. Vijayalethchumy, PhD

Pensyarah Kanan

Jabatan Bahasa

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

(Ahli Jawatankuasa)

Abdul Rashid Daeng Melebek, Ph.D

Pensyarah

Jabatan Bahasa

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

(Ahli Jawatankuasa)

HASANAH MOHD GHAZALI, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 8 April 2010



PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Pemeriksa telah berjumpa pada _____ untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Radna Wismawati Muhibah bt Yahya Sawek** untuk menilai tesis Sarjana Bahasa Melayu beliau yang bertajuk "**Hubungan Motivasi dengan Perilaku Pembelajaran Bahasa Melayu Pelajar Dwibahasa Peribumi Sarawak**" mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Pemeriksa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah berkenaan.

Ahli Pemeriksa Jawatankuasa adalah seperti berikut:

Pengerusi
Prof Madya Dr. Hajah Samsina Abd Rahman
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor

Pemeriksa Dalam
Dr. Adi Yasran Abdul Aziz
Pensyarah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor

Pemeriksa Dalam
Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah
Pensyarah
Jabatan Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor

Pemeriksa Luar
Prof Madya Dr Puteri Roslina Abdul Wahid
Pensyarah
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya, Kuala Lumpur



Tarikh:



PERAKUAN

Saya memperakui bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang tiap-tiap satunya telah dijelaskan sumbernya. Saya juga memperakui bahawa tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain.

RADNA WISMAWATI MUHIBAH BT YAHYA SAWEK

Tarikh: 18 Februari 2010



JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
KELULUSAN	viii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB

1 PENDAHULUAN	1
Latar Belakang Kajian	1
Negeri Sarawak	1
Masyarakat Dwibahasa Pribumi di Bahagian Samarahan	3
Asal Usul Peribumi di Sarawak	7
Bahasa Melayu di Sarawak Sejak 1963	9
Pernyataan Masalah	11
Persoalan Kajian	15
Objektif Kajian	15
Hipotesis	16
Kepentingan Kajian	16
Skop Kajian	18
Definisi Operasional	19
Hubungan Motivasi	19
Perilaku Pembelajaran Bahasa Kedua	19
Pembelajaran	19
Pelajar Dwibahasa Pribumi Sarawak	19
2 SOROTAN LITERATUR	20
Kajian Umum tentang Motivasi	20
Kajian tentang Motivasi dan Pembelajaran Bahasa Kedua	26
Kajian tentang Pendedahan Bahasa	32
Kajian tentang Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Pelbagai Etnik Bukan Melayu	38

Etnik	40
Kemahiran Bahasa	41
Pencapaian	42
Kajian tentang Percampuran Kod	43
Kajian tentang Sikap Pelajar Cina terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua	56
Kaitan antara Sorotan Kajian dengan Kajian ini	58
3 METODOLOGI	62
Rekabentuk Kajian	62
Kerangka Teori	62
Teori Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan	62
Kerangka Konsepsi	64
Kaedah Kajian	66
Tempat Kajian	66
Populasi Kajian	67
Pendekatan Kajian	68
Pemboleh ubah Kajian	68
Pemboleh ubah Bebas	68
Pemboleh ubah Bersandar	69
Alat Kajian	71
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	82
Tatacara Kajian	82
Kajian Rintis	82
Pentadbiran Soal Selidik	83
Kajian Sebenar	83
Penganalisisan Data	84
4 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN	86
Persembahan Dapatan	86
Objektif 1 – Motif yang mendorong pelajar dwibahasa peribumi Sarawak bertindak menerima atau menolak pembelajaran B2	87
Objektif 2 – Faktor yang mendorong kea rah motivasi pelajar dwibahasa peribumi Sarawak kea rah pencapaian yang lebih tinggi dalam B2	92
Objektif 3 – Faktor yang dapat mempengaruhi motivasi tugasannya B2 oleh pelajar dwibahasa peribumi Sarawak	97
Objektif 4 – Perilaku pembelajaran bahasa kedua pelajar dwibahasa peribumi Sarawak	108

Rumusan	118
Rasional Teori dengan Dapatan	119
Implikasi Dapatan Penyelidikan	120
5 RUMUSAN DAN CADANGAN	122
Rumusan	122
Cadangan	126
BIBLIOGRAFI	131

LAMPIRAN

- Lampiran A : Surat-menyurat
- Lampiran A1 : Surat Kelulusan Menjalankan Kajian
- Lampiran A2 : Pengesahan Pelajar
- Lampiran A3 : Prestasi Pencapaian PMR 2008
- Lampiran A4 : Pencapaian Cemerlang sekurang-kurangnya Gred D di Sekolah Bahagian Samarahan
- Lampiran A5 : Kebenaran Menjalankan Kajian di Sekolah

- Lampiran B : Soal Selidik
- Lampiran B1 : Soal Selidik Set A
- Lampiran B2 : Soal Selidik Set B
- Lampiran B3 : Soalan Temubual Guru
- Lampiran B4 : Contoh Soal Selidik Kajian Rintis (Jawapan Pelajar)
- Lampiran B5 : Contoh Jawapan Kajian Rintis Temubual Guru Sekolah

- Lampiran C : Kawasan Kajian / Peta Sarawak
- Lampiran D : Jadual Objektif 2 dan Objektif 3
- Lampiran E : Jadual 15 -23 (Soalan 23 – 31)
- Lampiran F : Jadual 25 – 37 (Soalan 41 – 53)

BIODATA PENULIS

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka Surat
1 Empat Pandangan terhadap Motivasi	25
2 Tahap Pendedahan Bahasa Melayu Responden	33
3 Sikap Responden	35
4 Motivasi Responden	37
5 Populasi Kajian	67
6 Profil Responden Kajian	86
7 Analisis Motif Data SPT dan SPR dalam Set A	88
8 Korelasi antara Pelajar SPR dan SPT dengan Motif Soal Selidik Set A	88
9 Hubungan Motivasi dengan perilaku pembelajaran B2 soal Selidik Set A	89
10 Korelasi antara pelajar Sekolah Pencapaian Tinggi dan Rendah dengan Motif Soal Selidik Set B	90
11 Aspek Motivasi yang Mendorong Motif Menerima atau Menolak pembelajaran B2 pelajar	91
12 Faktor yang Mendorong Motivasi Pelajar Ke arah Pencapaian yang Lebih Tinggi dalam B2	95

13	Ciri Guru Bahasa Melayu yang Menjadi Faktor Mempengaruhi Motivasi Tugasan B2	101
14	Respon daripada Temu bual Guru berkaitan Peneguhan Positif	110
15	Respon daripada Temu bual Guru berkaitan Peneguhan Negatif	111
16	Respon Temu bual Guru berkaitan Dendaan	113
17	Respon Temu bual Guru berkaitan Prinsip Premack	115
18	Respon Temu bual Guru berkaitan Pelupusan	116

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka Surat
1 Peribumi Sarawak	7
2 Sikap terhadap Pembelajaran Bahasa Sasaran	30
3 Teori Pembelajaran Operan	63
4 Kerangka Teori	64
5 Kerangka Konsepsual	65
6 Teori BF Skinner	108



SENARAI SINGKATAN

- B2 = Bahasa kedua
BM = Bahasa Melayu
BI = Bahasa Inggeris
BA = Bahasa Asing
HSC = Higher School Certificate
KT = Kemahiran bertutur
KB = Kemahiran membaca
KD = Kemahiran Mendengar
O = Organisme
R = Respon
PMR = Penilaian Menengah Rendah
PPK = Pembelajaran Pembentukan Kebiasaan
P & P = Pengajaran dan Pembelajaran
S = Stimulus
STPM = Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SPB = Strategi Pembelajaran bahasa
SPT = Sekolah Pencapaian Tinggi
SPR = Sekolah Pencapaian Rendah



BAB 1

PENDAHULUAN

Latar Belakang Kajian

Negeri Sarawak berkeluasan 124,967km persegi. Jumlah penduduknya, menurut statistik tahun 2000 ialah 2,071,506 orang dan mempunyai kepadatan penduduk 16.8 orang per km. persegi. Peter M. Kedit, mantan pengarah Muzium Sarawak, menganggap Sarawak sebagai negeri yang mempunyai kumpulan etnik yang paling banyak dengan kebudayaan yang paling pelbagai sifatnya (Sarawak Museum Journal Dis.1989:1).

Menurut statistik tahun 2006, taburan dan jumlah penduduk negeri Sarawak mengikut kumpulan etnik adalah seperti yang berikut:

Melayu	462,270
Iban	603,735
Bidayuh	166,756
Melanau	112984
Bumiputera Lain*	117,690

*Terdiri daripada Kayan, Kenyah, Kelabit, Lun Bawang, Murut, Bisaya, Penan, Tagal, Tabun, Ukit, Bukitan, lisun, Tatau, Sihan, dan lain-lain bukan Islam. Tidak dapat dipastikan adakah ini termasuk Kedayan, Miriek, dan Narum yang beragama Islam.

Cina	537,230
Lain-lain	8,103

(Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2007 hlm 103)

Secara tradisinya taburan kumpulan-kumpulan ini dikaitkan dengan ekologi atau alam sekitar mengikut bentuk muka bumi Sarawak. Golongan Islam seperti Melayu,

Melanau, Kedayan, dan lain-lain mendiami pesisir pantai, dan di kawasan inilah tumbuhnya kota dan pelabuhan yang menerima pendatang awal terutamanya Cina. Golongan Bidayuh, Iban, Kayan, Kenyah dan lain-lain mendiami kawasan pedalaman yang landai dan semakin berbukit dan tebal dengan tumbuhan semula jadi serta dibelah oleh batang-batang sungai yang boleh dilalui. Golongan etnik yang kecil seperti Kelabit, Murut, Penan dan lain-lain mendiami kawasan ulu yang dipenuhi oleh gunung-ganang yang tinggi dan hutan tebal yang masih asli (Zainal Kling 1988:3). Menurut Lee Yong Leng (1981:22), Sarawak mempunyai muka bumi yang merumitkan kehidupan orangnya dalam beberapa hal disebabkan negerinya berbukit-bukau, berceranggah, beriklim khatulistiwa, dan tanah-taninya yang pada keseluruhannya tidak subur.

Dalam masyarakat Sarawak yang pelbagai itu, amat jelas ialah perbezaan bahasa ibunda yang kebanyakannya tidak ada kesalingfahaman. Sebagai contoh, bahasa Bidayuh yang dikatakan mempunyai empat dialek utama, tidak ada kesalingfahaman antara dialek-dialek tersebut. Hal yang sama berlaku pada dialek Melanau kerana semakin ke utara semakin kurang saling fahaman antara variasi bahasa kumpulan etnik tersebut.

Sabihah Osman (1990:31), yang mengkaji perkembangan pendidikan bumiputera di Sarawak menyebut bahawa sebelum Brooke memerintah Sarawak kedua-dua golongan Melayu dan Dayak “di dearah-dearah yang terdedah pada hubungan luar seperti Skrang, Saribas, Kuching, Mukah dan Oya, hidup saling bergantung antara satu dengan yang lain dan bercampur gaul berdasarkan kesetiaan politik mengikut pola-pola petempatan alam sekeliling masing-masing”.

Berdasarkan pemerhatian umum, terdapat keadaan yang memperlihatkan bahasa tertentu menjadi lingua franca atau salah satu daripada lingua franca, misalnya bahasa Iban di Bandar Kapit, Kanowit, Saratok dan Sri Aman, atau bahasa Melanau di pekan Mukah, Dalat, Daro dan Matu, yang disebabkan wujud kumpulan majoriti penuturnya di situ. Bahasa Melayu atau kreol masih digunakan.

Masyarakat Dwibahasa Peribumi di Bahagian Samarahan

Bahagian Samarahan merupakan bahagian kelapan negeri Sarawak. Bahagian Samarahan terdiri daripada Kota Samarahan, Asajaya dan Sadong Jaya. Masyarakat negeri Sarawak di bahagian Samarahan terdiri daripada masyarakat yang bekerja sebagai petani dan pekebun kecil. Kehidupan mereka amat sederhana. Penduduk di bahagian Samarahan terdiri daripada Kaum Melayu, Iban, Bidayuh, Melanau, bumiputera lain dan Cina. Manakala penutur dwibahasa peribumi di kawasan kajian ialah kaum Iban, Bidayuh dan Melanau. Penduduk di bahagian Samarahan ini berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu Sarawak. Pendedahan kepada bahasa Melayu baku amat terhad kerana taraf pendidikan ibu bapa yang rendah dan saluran penyebaran bahasa yang terhad. Pembelajaran Bahasa Melayu cuma diajar dan digunakan semasa pembelajaran formal di sekolah. Hal ini menyebabkan berlakunya percampuran dialek yang pekat dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah. Oleh itu masyarakat dwibahasa ini tidak suka mempelajari bahasa Melayu kerana Bahasa ibunda sudah sebatи dalam kehidupan mereka.

Pertuturan sehari-hari mereka turut dipengaruhi oleh ibu bapa yang dominan menggunakan bahasa ibunda ketika bertutur dengan anak-anak dalam pertuturan sehari-hari. Hal ini dapat diperhatikan dalam ayat-ayat yang berikut:

1. Masyarakat Iban

- a. Manah amai baju nuan ari tuk.
(Cantik juga baju kamu hari ni)
- b. Aku ka minta tolong nuan ngajar karang jako BM.
(Saya nak meminta pertolongan awak membuat karangan BM)

2. Masyarakat Bidayuh

- a. Daki asal-usul ingan leh?
(Di manakah asal-usul kamu)
- b. Sikiak ku malas masak noh leh bonon eh karik dayung de bokon neh.
(Kakak saya malas memasak, sebab itulah suaminya cari perempuan lain)

3. Masyarakat Melanau

- a. Wak eno sibet kelow cuti sekol tow?
(Apa rancangan kamu semua semasa cuti sekolah ni?)
- b. Apak bei melei ubat keyyah gak kedai tuaehkah?
(Ada tak bapa membeli ubat nyamok di kedai?)

Kebanyakan pelajar yang terdapat di daerah Samarahan terdedah kepada gaya pertuturan ibu bapa mereka. Bagi ibu bapa yang bekerja, mereka kurang menggunakan bahasa ibunda sebaliknya mencampurkan bahasa Ibunda, atau bahasa Inggeris di dalam pertuturan mereka sehari-hari. Hal ini menyebabkan berlakunya percampuran kod di dalam perbualan mereka. Fenomena ini dijelaskan mengikut contoh yang berikut:

1. Masyarakat Iban

- a. Aku *school* bak sekula Stampin.
(Aku bersekolah di SMK Stampin)
- b. Aku ngau Tony berpangan kenyau ari sekula *primary*.
Aku dan Tony berkawan sejak sekolah rendah.
- c. Pengajar selalu bendar merik kami maioh *home work*.
Cikgu saya selalu memberi kerja rumah banyak-banyak.
- d. Sidak iya nggau *people* bergempuru nadai pemendar ba KL.
Mereka suka mengikut perhimpunan haram di KL.
- e. *Sis* aku suka ka amat pulai jauh malam.
Kakak aku suka balik lewat malam.

2. Masyarakat Bidayuh

- a. Aku belajar dang *form* pat.
(Saya belajar dalam tingkatan empat)
- b. Asa dapat aku yak mitia tulung muu nai kuih *for* Gaweia.
Kalau dapat saya nak minta pertolongan kamu buat kuih untuk Gawai.
- c. Leha rajin *help* sino eh ponyap bori.
Leha rajin membantu maknya mengemas rumah.
- d. *Uncle* ku ogi lison dien de ayuh.
Pak cik aku ada kebun durian yang besar.
- e. Sumuk ku mok babua *always* jak sina doik tatong totu.
Nenek aku dah nyanyuk dan selalu bercakap perkara mengarut.

3. Masyarakat Melanau

- a. Shien membaca *book*.
(Dia sedang membaca buku)
- b. Emak bebiran dari pagi tadik sik *stop*.
Emak membebek dari pagi tadi tak henti-henti.
- c. Ngak agei pisak *ball*, maghrib ngak.
Sudah lagi bermain bola tu, dah nak maghrib.
- d. Semuneh mua sungkai gak hotel *five star*.
Esok kami berdua nak berbuka puasa di hotel lima bintang
- e. Juh telow *catch* buta leboh kow bak menaban sew.
Jom kita pergi menangkap belalang di padang belakang rumah aku.


Di samping itu, tahap sosial pelajar berkait rapat dengan persekitaran dan tempat tinggal mereka. Sebagai contoh, apabila tahap sosio ekonomi ibu bapa rendah, penggunaan bahasa ibunda adalah menjadi bahasa utama dalam pertuturan. Oleh itu dalam kajian ini penyelidik ingin mengenal pasti hubungan motivasi yang dapat menggalakkan pelajar-pelajar mempelajari bahasa kedua di samping mempelihat sikap pelajar yang mendorong mereka mempelajari bahasa kedua (seterusnya B2). Motivasi ialah keadaan dalam diri dan individu yang memunculkan, mengarah dan mempertahankan perilaku. Memandangkan pendedahan bahasa Melayu pelajar-pelajar di bahagian Samarahan kurang meluas, maka pembelajaran Bahasa Melayu mereka menjadi turut lemah.

Asal Usul Peribumi di Sarawak

Peribumi di Sarawak terdiri daripada mana-mana satu kaum asli, iaitu Bukitan, Bisayah, Dusun, Dayak Laut, Dayak Darat, Kedayan, Kelabit, Kayan, Kenyah, Kajang, Lugat, Melayu, Melanau, Murut, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit, atau yang berketurunan campuran daripada kaum tertentu.

Peribumi Sarawak terbesar terdiri daripada kaum Melayu, Melanau, Iban, Bidayuh dan Kenyah. (lihat rajah 1)

Rajah 1: Masyarakat Peribumi Sarawak



(Sumber : <http://www.Peribumi.Sarawak>)

Kaum Melayu Sarawak berhijrah dari Sumatera dan Celebes. Mereka terdiri daripada 18% penduduk Sarawak dan 25% peribumi Sarawak. Kaum Melayu tinggal di pesisir pantai dan sungai di barat daya Sarawak. Semasa prakolonial mereka hidup dalam hirarki berkelas iaitu kelas atasan seperti abang, sheriff, dan pengiran, manakala kelas pertengahan terdiri daripada pegawai dan pedagang, kelas rakyat dan kelas ulun, terikat kepada bangsawan atasan. Kebanyakan orang Melayu Sarawak bekerja sebagai nelayan, pengumpul hasil hutan, petani, penanam pokok getah dan kelapa. Mereka memeluk agama Islam, percaya pada hantu, semangat, tangkal dan azimat.

Orang Melanau pula dipanggil *A Liko* yang bermaksud penduduk sungai. Mereka dikaitkan dengan Dayak Darat dan Melayu di persisiran. Golongan ini merupakan golongan minoriti di Sarawak, iaitu 6% daripada penduduk Sarawak dan 8% daripada masyarakat peribumi Sarawak. Orang Melanau menganut agama Islam dan Kristian. Mereka juga percaya pada kuasa ghaib.

Masyarakat Iban (Dayak Laut) pula terdiri daripada 47% peribumi dan 30% penduduk Sarawak. Masyarakat Iban tinggal berdekatan dengan sungai Batang Lupar dan Sungai Rejang. Mereka tinggal di rumah panjang dan menganut kepercayaan Animisme, Hindu-Buddha dan Kristian. Masyarakat Iban juga percaya pada pantang-larang dan ritual.

Seterusnya masyarakat Bidayuh merupakan etnik Sarawak yang rata-rata mendiami kawasan bukit di luar bandar Kuching. Terdapat pelbagai suku kaum dalam kalangan masyarakat Bidayuh dan masing-masing mengamalkan pegangan serta adat